



AHMAD ZAHID HAMIDI bersama pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) selepas menyampaikan anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015 kepada penuntut (ILP) Kepala Batas, Mohammad Tarmizi Abu Hassan, (menjulung anugerah) yang turut disertai Seri Richard Riot Jaem (barisan tengah, tiga dari kiri), Fadillah Yusof (kanan) dan Ismail Abd. Muttalib (dua dari kiri) dalam majlis anugerah tersebut di PICC, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Utusan Malaysia : Rabu 21/10/2015

## World Skills ASEAN: KBS perlu kerjasama 2 kementerian

**PUTRAJAYA 20 Okt.** - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi meminta Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Kerja Raya sebagai persiapan pasukan Malaysia untuk menghadapi pertandingan World Skills ASEAN Kuala Lumpur pada tahun hadapan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembabitan ketiga-tiga kementerian itu amat diperlukan terutama dalam bentuk penajaan supaya barisan peserta kemahiran negara sentiasa berada pada kedudukan terbaik khususnya ketika menyertai setiap pertandingan di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, Airul Firham Che Amran, 21, telah membuktikan ba-

hawa peserta kemahiran negara mampu bersaing di peringkat antarabangsa apabila berjaya memenangi pingat gangsa dalam pertandingan World Skills Competition 2015, Sao Paulo, Brazil dalam kategori dandan rambut Ogos lalu.

"Selepas ini saya mahu para peserta kita berusaha mendapatkan pingat emas terutama di peringkat antarabangsa. Oleh itu saya sendiri akan mempengerusikan mesyuarat dengan ketiga-tiga menteri terlibat dalam usaha kita menghadapi pertandingan World Skills ASEAN Kuala Lumpur tahun depan.

"Besarnya harapan saya untuk melihat para peserta kita mampu meraih kejayaan dalam pertandingan tersebut. Jangan jadi jaguh kampung sebaliknya jadilah jaguh antarabangsa," katanya.



**Besarnya harapan saya untuk melihat para peserta kita mampu meraih kejayaan dalam pertandingan tersebut. Jangan jadi jaguh kampung sebaliknya jadilah jaguh antarabangsa."**

**AHMAD ZAHID HAMIDI**  
Timbalan Perdana Menteri

antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015

di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Pengerusi Majlis Pertandingan Kemahiran Manusia, Datuk Seri Ismail Abd. Muttalib.

Dalam majlis itu juga, pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Mohammad Tarmizi Abu Hassan, 22, diumumkan sebagai penerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2015.

Dengan kemenangan itu, Mohammad Tarmizi menerima Piala Tangan Emas Perdana Menteri serta wang tunai sebanyak RM10,000 dan hadiah berkenaan telah disampaikan

kan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zahid berkata, syarikat-syarikat korporat juga perlu terus memberi komitmen dalam memberikan penajaan kepada para peserta kemahiran negara yang bertanding di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, selepas menyertai pertandingan World Skills ASEAN tahun depan misi seterusnya adalah penyertaan peserta-peserta kemahiran negara dalam pertandingan World Skills Abu Dhabi 2017.

"Buat pertama kalinya juga peserta negara kita iaitu Airul Firham berjaya memperoleh pingat di peringkat *world skills competition* iaitu pingat gangsa. Tahniah diucapkan kepadanya atas kejayaan itu,"ujarnya.